

# PRN Sabah tidak mempengaruhi PRN Sarawak



JAYUM JAWAN



ARNOLD PUYOK

**KUCHING** - Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah tidak akan mempengaruhi PRN Sarawak yang akan datang.

Penganalisis politik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Jayum Jawan berpendapat, Sarawak mempunyai kestabilan dari segi politik sedangkan Sabah sebaliknya.

Beliau berkata, kerajaan Sabah juga dibentuk tanpa majoriti kerana parti-parti kecil bersatu dan memerintah melalui majoriti sederhana di Dewan Undangan Negeri.

“Di Sarawak, Gabungan Parti Sarawak (GPS) adalah parti pemerintah yang dominan dengan majoriti besar.

“Tiada ketidakstabilan politik di Sarawak, tidak seperti gabungan pemerintah Perikatan Nasional (PN) dan Sabah,” katanya seperti dilaporkan akhbar *The Borneo Post* di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi peng-

analisis politik, Dr Arnold Puyok daripada Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) juga berpendapat bahawa PRN Sabah tidak akan memberikan kesan yang besar terhadap PRN Sarawak.

“Mungkin tidak begitu banyak (kesan) kerana di Sabah mempunyai dua tokoh yang sangat dominan bersaing untuk menjadi peneraju. Belum ada di Sarawak.

“Perbezaan lain yang menonjol antara kedua-dua negeri ialah terdapat banyak pihak di Sabah yang dipimpin oleh tokoh-tokoh popular yang boleh muncul sebagai alternatif daripada yang ada.

“Juga tidak seperti Sarawak, politik Sabah tidak lagi terisolasi dan lebih terbuka yang bermaksud lebih terdedah kepada kekuatan luar dari Semenanjung Malaysia,” katanya.